

## Media dekatkan hubungan masyarakat dengan KPDNHEP

25 OGOS 2019 , T00:30:01+08:00



**TERIMA KASIH:** Wakil akhbar Utusan Borneo Miri Clare Cinderella menerima sijil penghargaan KPDNHEP daripada Aziz disaksikan Joe Azmi (kiri), Sebi dan Pulnama (kanan).

**MIRI:** Laporan media tentang aktiviti dan tugas membantu mendekatkan hubungan masyarakat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Ketua KPDNHEP Cawangan Miri Joe Azmi Jamil mahu hubungan erat kedua-dua pihak dikekalkan agar usaha meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap isu kepenggunaan diperluaskan.

"Dalam konteks kementerian, media bertindak sebagai penghubung yang mendekatkan kementerian dengan masyarakat menerusi liputan dan kupasan yang diterbitkan berkaitan isu dan aktiviti sepanjang tahun," jelasnya.

Berucap merasmikan Majlis Apresiasi Kepenggunaan untuk Media Miri dan Limbang, Joe Azmi berkata kementerian amat berterima kasih kepada media atas kerjasama melaporkan tugas yang dilaksanakan termasuk operasi, tindakan kes dan aktiviti kepenggunaan.

“Kita tidak boleh nafikan peranan media massa dalam pembangunan dan pemodenan negara. Ini kerana penulisan mereka dapat mengubah pemikiran masyarakat.

“Malah kekuatan yang ada pada ketajaman penulisan boleh menjatuh dan membangun sesebuah negara. Betullah seperti kata pepatah, mata pena lebih tajam dari mata pedang,” katanya.

Tentang majlis, ia merupakan anjuran pertama cawangan Miri dan Limbang dengan tema ‘Denim dan Baju Putih.’

Wakil setiap akhbar yang hadir turut menerima sijil penghargaan.

Tetamu bertuah membawa balik hadiah cabutan tiket nombor bertuah dan majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan karaoke.

Hadir sama Pegawai Daerah Miri Abdul Aziz Mohd Yusuf, Timbalan Residen Limbang Sebi Abang, Ketua cawangan Limbang Pulnama Tarah dan Presiden Persatuan Wartawan Utara Sarawak (NSJA) Andy Jong.

